



# **MAJLIS PENYAMPAIAN DIVIDEN RTBB NEGERI SELANGOR TAHUN 2008**

## **UCAPAN ALUAN**

**TN. HJ. WAN MOHAMAD ZUKI BIN HJ. MOHAMAD  
TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA (PENGURUSAN & KORPORAT)  
MEWAKILI KETUA PENGARAH RISDA**

DEWAN DATO' SERI(DR) HAJI ABU HASSAN,  
KOMPLEKS UMNO BAHAGIAN KUALA SELANGOR  
22 DISEMBER 2008  
9.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dato' Abdul Jabbar bin Che Nai  
Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan  
Wilayah mewakili YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Dihormati En. Nasarudin bin Malek  
Pengarah RISDA Negeri Selangor

Pegawai-Pegawai RISDA Selangor

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini bagi Majlis Penyampaian Dividen Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB)Negeri Selangor Tahun 2008. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana

3

terlibat dengan urusan rasmi yang lain. Bagi pihak pengurusan RISDA, saya amat mengalu-alukan dan berterima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Dato' Abdul Jabbar bin Che Nai, Ketua Setiusaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mewakili YB Menteri yang telah sudi melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis kita pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran Dato' begitu bermakna kepada semua yang hadir pada hari ini. Sokongan yang ditunjukkan oleh Dato' akan menyemarakkan lagi semangat kami semua untuk meneruskan usaha memperkasakan pekebun kecil dan sama-sama membantu

4

negara mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi, InsyaAllah.

Tidak lupa juga kepada semua peserta RTBB serta pekebun kecil dari seluruh Negeri Selangor dan pastinya Majlis pada hari ini memberi pengertian yang cukup besar kepada RISDA khususnya dalam meningkatkan dan memperbaiki taraf hidup pekebun kecil di Negeri Kelantan, khasnya kearah mensasarkan pendapatan melebihi RM 2000 sebulan sekeluarga.

### **3.0 TUJUAN MAJLIS**

Tujuan RISDA mengadakan Majlis ini pada hari ini adalah untuk menyampaikan keuntungan terkumpul RTBB bagi tahun 2007 bagi Negeri Selangor.

### **4.0 PEMBAYARAN DIVIDEN RTBB**

RTBB ini yang dilaksanakan mulai tahun 1974 telah pun membayar dividen mulai tahun 1982. Bagi tahun 2007, pihak RISDA akan menyampaikan dividen yang bernilai **RM 41,322,650.00 (41.3 juta)** khusus bagi **13,986 orang** peserta dengan keluasan lebih kurang **41,322.65 hektar di seluruh**

**negara.** Purata bayaran dividen adalah RM2,954.57 bagi setiap peserta.

**Bagi Negeri Selangor, sejumlah RM 1,172,500 keuntungan terkumpul RTBB akan diberikan kepada 306 orang peserta iaitu meliputi Skim RTBB biasa dan Skim RTBB Koperasi Ladang Pekebun Kecil Malaysia Bhd.** Kadar dividen adalah RM 1,000 seekar. Pada hari ini seramai 200 orang peserta akan menerima dividen dan bakinya akan dimasukkan kedalam akaun peserta masing-masing.

7

## **6.0 PENUTUP**

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Yang Berbahagia Dato' Abdul Jabbar bin Che Nai, KSU Kementerian Luar Bandar dan Wilayah pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' atas kesudian untuk menyempurnakan Majlis pada hari ini. Setinggi penghargaan juga kepada peserta RTBB dan pekebun kecil yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada En Nasarudin bin Malek, Pengarah RISDA Negeri Selangor serta Jawatankuasanya yang telah bekerja keras untuk

8

menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah ,**  
**Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**